



1 Mac 2018
1 March 2018
P.U. (A) 66

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DOKTOR VETERINAR
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 2018

*VETERINARY SURGEONS
(AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE)
ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DOKTOR VETERINAR 1974

PERINTAH DOKTOR VETERINAR (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(3) Akta Doktor Veterinar 1974 [*Akta 147*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Doktor Veterinar (Pindaan Jadual Kedua) 2018**.

Pindaan Jadual Kedua

2. Akta Doktor Veterinar 1974 dipinda dalam Jadual Kedua—

(a) dalam Bahagian I—

- (i) berhubung dengan negara “Australia”, dengan menggantikan butir-butir yang berhubungan dengannya butir-butir yang berikut:

| <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i> | <i>Perihal kelulusan</i> |
|--|--|
| “University of Melbourne | Doctor of Veterinary Medicine (Diiktiraf pada 1.1.2014) |
| University of Queensland | Bachelor of Veterinary Science (Honours) (Diiktiraf pada 1.7.2015) |
| University of Sydney | Doctor of Veterinary Medicine (Diiktiraf pada 1.1.2014)”; dan |

- (ii) berhubung dengan negara “United Kingdom”, bagi butir-butir yang berhubung dengan butiran “Royal College of Veterinary Surgeons”, dengan memasukkan selepas perkataan “Membership” perkataan “(Pada 1.1.2016, melalui institusi yang diiktiraf oleh Royal College of Veterinary Surgeons sahaja, dan bukan diiktiraf melalui peperiksaan)”; dan

(b) dalam Bahagian II—

- (i) berhubung dengan negara “India”, dengan memasukkan selepas butiran “Tamil Nadu Agricultural University (Madras Veterinary College)” dan butir-butir yang berhubung dengannya butiran yang berikut:

Institusi yang memberikan kelulusan

Perihal kelulusan

“Tamil Nadu Veterinary and Animal Sciences University

Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry (Diiktiraf pada 1.1.2016)”; dan

- (ii) berhubung dengan negara “Taiwan”, bagi butir-butir yang berhubung dengan butiran “National Chung Hsing University”, dengan memasukkan selepas perkataan “Bachelor of Veterinary Medicine (Diiktiraf pada 23.12.2011)” perkataan “Doctor of Veterinary Medicine (Diiktiraf pada 23.12.2011)”; dan
- (iii) berhubung dengan negara “Taiwan”, bagi butir-butir yang berhubung dengan butiran “National Taiwan University”, dengan memasukkan selepas perkataan “Bachelor of Veterinary Medicine (Diiktiraf pada 23.12.2011)” perkataan “Doctor of Veterinary Medicine (Diiktiraf pada 23.12.2011)”.